



JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.jwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

SUBUH MACAM JUMAAT DAN BERJALAN SIHAT MEMBUKA TIRAI HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2024

PUTRAJAYA, 1 FEBRUARI 2024 – YB. Dr. Zaliha Binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) hari ini merasmikan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Terbuka Putrajaya 2024 di Dataran Putrajaya. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini turut meraikan ulangtahun penubuhan Wilayah Persekutuan yang ke-50 sejak penubuhannya pada 1 Februari 1974 apabila Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan yang pertama.

Program-program Hari Wilayah Persekutuan 2024 pada tahun ini merangkumi enam teras utama iaitu; pengiktirafan, ilmiah dan kerohanian, sosial dan kemasyarakatan, keusahawanan, seni dan budaya & sukan. Program pertama Hari Wilayah Persekutuan yang dianjurkan secara kerjasama strategik dengan pihak JAKIM dan JAWI, dimulakan dengan aktiviti solat subuh berjemaah bersama warga Wilayah Persekutuan dengan pengisian tazkirah "Mensyukuri Nikmat 50 Tahun Wilayah Persekutuan". Seterusnya warga Wilayah Persekutuan menyertai aktiviti Berjalan Sihat@Putrajaya sepanjang 2.5 kilometer dari Dataran Putra ke Dataran Putrajaya. Program Hari Wilayah Persekutuan seperti ini bukan sahaja dapat meningkatkan semangat kerohanian malah membolehkan orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat.

Showcase Program Usaha Jaya Insan (PUJI) turut diketengahkan dalam memaparkan inisiatif-inisiatif kerajaan untuk golongan miskin tegar/miskin di Wilayah Persekutuan yang merangkumi komponen Lindung@PUJI, Insan@PUJI, Sihat@PUJI, Upaya@PUJI, Ilmu@PUJI dan Infra@PUJI. Inisiatif Program *Cloud Kitchen* juga diperkenalkan di *Showcase* PUJI@WP. Inisiatif ini merupakan kolaborasi strategik Jabatan Wilayah Persekutuan dengan Yayasan Hasanah dan Pepper Labs bagi menambahkan pendapatan ketua isi rumah yang seterusnya menoktahkan miskin tegar di Wilayah Persekutuan melalui penggunaan teknologi ICT.

JWP dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu, dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah menyusun 61 program dan aktiviti yang melibatkan komuniti sepanjang tahun ini sempena ulangtahun penubuhan Wilayah Persekutuan yang ke-50. Semoga program-program yang disusun ini dapat mengukuhkan rasa sayang dan *sense of belonging* dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan serta memberikan peluang kepada rakyat untuk menghayati dan menghargai kemakmuran dan kejayaan yang telah dikecapi oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**Disediakan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Jabatan Wilayah Persekutuan
1 Februari 2024**